

Soalan Lazim

1) Apakah faedah skim ElderShield yang baru?

Skim ElderShield yang baru membekalkan bayaran tunai bulanan sebanyak \$400 bagi tempoh maksimum selama 72 bulan sekiranya anda mempunyai kehilangan upaya yang berat. Jika dibandingkan dengan pelan ElderShield sekarang yang membayar wang tunai sebanyak \$300 setiap bulan untuk tempoh maksimum selama 60 bulan, ini ialah peningkatan sebanyak 60% bagi bayaran maksimum yang dibuat. Seperti pelan ElderShield sekarang, anda boleh menggunakan wang tersebut untuk membantu anda membiayai sesuatu penjagaan yang sesuai bagi anda (contohnya perkhidmatan penjagaan di rumah, pemulihan harian, rumah penjagaan, dll). Bagi sesiapa yang pulih dan kemudian bertambah berat kehilangan upayanya, beliau masih akan menerima bayaran tunai tersebut asalkan jumlah tempoh pembayaran tidak melebihi 72 bulan.

2) Apa yang perlu saya lakukan untuk menyertai skim ElderShield yang baru?

Jika anda seorang pemegang polisi dan ingin menyertai skim ElderShield yang baru, anda boleh hantarkan Borang Naik taraf (di mana ia disertakan dalam Pakej Pembaharuan anda) melalui kiriman pos kepada syarikat insurans sediakala anda. Syarikat insurans anda akan menghubungi anda mengenai kelayakan anda menyertai skim baru ini setelah permohonan anda dinilai. Jika anda masih membayar premium, anda dikehendaki membayar premium baru berdasarkan usia anda ketika menjadi ahli dan jumlah pelarasan premium.

Bagi pemegang polisi yang masih membuat bayaran premium di bawah Pelan Premium Biasa, jumlah pelarasan diagihkan dalam tempoh 5 tahun (atau sehingga usia 65, mengikut mana yang lebih awal).

Bagi pemegang polisi yang masih membuat bayaran premium di bawah Pelan Premium 10-tahun, jumlah pelarasan diagihkan dalam tempoh 5 tahun.

Bagi pemegang polisi yang telah selesai membayar premium dan sesiapa yang mengikut Pelan Premium Tunggal, mereka dikehendaki membuat satu bayaran sekali gus untuk pelarasan premium.

3) Berapa banyak premium perlu dibayar untuk menaikkan taraf?

Jika anda seorang pemegang polisi di bawah **Pelan Premium Biasa**, sila rujuk kepada Rajah 1 bagi premium tahunan yang dikenakan (berdasarkan usia anda ketika menjadi ahli) dan Rajah 2 bagi premium pelarasan yang diagihkan dalam tempoh 5 tahun (atau sehingga usia 65, mengikut mana yang lebih awal). Bagi pemegang polisi yang telah selesai membayar premium mereka dikehendaki membuat suatu bayaran sekali gus untuk pelarasan premium.

Jika anda seorang pemegang polisi di bawah **Pelan Premium 10-tahun**, sila rujuk kepada Rajah 3 bagi premium tahunan yang dikenakan (berdasarkan usia anda ketika menjadi ahli) dan Rajah 4 bagi premium pelarasan yang diagihkan dalam tempoh 5 tahun.

Jika anda seorang pemegang polisi di bawah **Pelan Premium Tunggal**, sila rujuk kepada Rajah 5 bagi premium tambahan sekali gus yang dikenakan (berdasarkan usia anda sekarang).

Contohnya, seorang pemegang polisi lelaki berusia 50 ketika mula-mula menjadi ahli skim ElderShield pada tahun 2002 di bawah Pelan Premium Biasa akan membayar premium tahunan sebanyak \$288.44 dan premium pelarasan sebanyak \$69.54 untuk 5 tahun yang pertama, iaitu \$357.98. Selepas 5 tahun, beliau hanya perlu membayar premium tahunan sebanyak \$288.44.

Bagi seorang pemegang polisi lelaki berusia 60 ketika beliau menjadi ahli skim ElderShield pada tahun 2002 di bawah Pelan Premium 10-Tahun, beliau perlu membayar sebanyak \$516.25 bagi premium tahunan dan \$113 bagi premium pelarasan, iaitu beliau perlu membayar \$629.25 dalam tempoh 5 tahun hadapan.

Bagi seorang pemegang polisi lelaki di bawah Pelan Premium Tunggal dan kini berusia 65 (pada hari lahir terakhir), beliau perlu membuat bayaran sekali gus sebanyak \$1,120.29 untuk menaikkan taraf kepada skim ElderShield yang baru.

(Nota: Premium adalah termasuk GST.)

4) Kenapa saya perlu membayar premium pelarasan untuk menyertai skim ElderShield yang baru?

Amnya, premium tahunan yang perlu dibayar ditentukan oleh usia anda ketika anda menjadi ahli skim insurans. Jika usianya rendah, maka rendahlah premium tahunan. Untuk anda menikmati kelebihan skim ElderShield yang baru ini pada tahap premium tahunan yang berasaskan usia anda mula menjadi ahli ElderShield, pelarasan premium perlu dibuat.

Kos yang terlibat jika membayar premium pelarasan adalah lebih rendah daripada membayar premium tahunan bagi skim ElderShield yang baru yang berdasarkan usia anda sekarang. Kementerian Kesihatan (MOH) telah mengusahakan bersama syarikat-syarikat insurans ElderShield untuk mengagihkan bayaran premium pelarasan dalam tempoh 5 tahun untuk memudahkan pemegang polisi membuat bayaran.

Jika anda ingin menyertai skim ElderShield yang baru, kos untuk membayar premium pelarasan (dalam 5 ansuran ataupun sehingga usia 65, yang mana yang lebih awal) di samping bayaran premium semakan mengikut usia anda menjadi ahli adalah lebih rendah daripada membayar premium semakan pada usia anda sekarang.

Marilah kita lihat contoh seorang pemegang polisi lelaki berusia 40 tahun yang telah menyertai skim ElderShield pada tahun 2002. Di tahun 2007, usianya sudah meningkat kepada 45 tahun. Dia membuat keputusan untuk menaikkan taraf kepada pelan yang menawarkan bayaran bulanan sebanyak \$400 selama 72 bulan.

Kiraan di bawah menunjukkan jumlah premium yang perlu dibayar oleh pemegang polisi apabila usia 65.

Pilihan	Bayaran premium tahunan yang baru dan premium pelarasan berdasarkan usia menjadi ahli	Bayaran premium tahunan yang baru berdasarkan usia sekarang
Usia menjadi ahli	40 tahun	45 tahun
Tempoh Polisi	5 tahun	0 tahun
Premium untuk dibayar setiap tahun	\$174.96 setahun hingga usia 65	\$217.53 setahun hingga usia 65
Bilangan premium untuk dibayar sehingga usia 65	21 bayaran	21 bayaran
Premium Pelarasan untuk dibayar	\$35.85 setiap tahun selama 5 tahun	\$0
Jumlah premium untuk dibayar	$\$174.96 \times 21 + \$35.85 \times 5 =$	
Perbezaan	\$714.72	

Seperti yang dijelaskan dalam contoh di atas, adalah lebih berfaedah bagi pemegang polisi semasa untuk membayar semakan premium tahunan dan premium pelarasan berasaskan usia mereka menjadi ahli daripada membatalkan polisi sekarang dan memasuki semula skim ElderShield pada usia mereka sekarang.

5) Bagaimana membuat bayaran premium?

Anda boleh mengguna akaun Medisave untuk membayar premium ElderShield anda. Jika simpanan Medisave anda tidak mencukupi, anda boleh menggunakan akaun Medisave suami/isteri, ibu bapa, anak atau cucu anda. Anda juga boleh membayarnya secara tunai.

6) Sebahagian daripada premium yang saya bayar sekarang adalah bantuan subsidi. Apa akan terjadi kepada subsidi tersebut?

Subsidi yang diberi sewaktu pertama kali ElderShield dilancarkan ialah untuk membantu warga tua membayar premium mereka. Subsidi tersebut hanya diberi kepada warga Singapura berusia 56 hingga 69 (pada 30 September 2002). Pada 30 September 2007, hanya mereka yang berusia 66 dan ke atas layak untuk menerima subsidi selama 1 hingga 5 tahun lagi (bergantung kepada bilangan tahun kelayakan yang diberi semasa pelancaran ElderShield yang pertama).

Jumlah subsidi tidak berubah sama ada anda memilih untuk menaikkan taraf pelan ElderShield anda ataupun tidak.

7) Bilakah semakan premium saya berkuat kuasa?

Semakan premium anda akan berkuat kuasa setelah anda memperbarui polisi semasa

8) Bilakah perlindungan naik taraf saya akan berkuat kuasa?

Perlindungan naik taraf anda yang merangkumi bayaran bulanan sebanyak \$400 selama 72 bulan akan berkuat kuasa setelah anda membuat bayaran pertama untuk semakan premium tahunan dan premium pelarasan.

9) Berapa lamakah saya ada untuk membuat keputusan untuk naik taraf?

Jika anda menyertai ElderShield di bawah Kohort Pertama (iaitu pada September 2002), anda akan mempunyai 6 bulan selepas tarikh pembaharuan polisi, atau sehingga 31 Mac 2008, untuk membuat keputusan untuk menaikkan taraf.

Jika anda menyertai ElderShield di bawah Kohort Keadaan Tetap (Steady State) (iaitu pada Oktober 2002 - Ogos 2007), anda mempunyai 3 bulan selepas tarikh pembaharuan polisi untuk membuat keputusan untuk menaikkan taraf.

Namun, jika anda memutuskan supaya tidak menaikkan taraf dan kemudian berubah fikiran setelah tamat tarikh akhir yang tersebut di atas, anda boleh menambahkan perlindungan anda secara berasingan dengan membeli ElderShield Supplement.

10) Bolehkah saya menukar syarikat insurans ElderShield?

Amnya, kami menasihatkan pemegang polisi untuk mengguna syarikat insurans mereka jika mereka ingin menyertai skim ElderShield yang baru. Jika anda menukar syarikat insurans, anda akan rugi segala premium yang telah pun dibayar dan ia akan dikira sebagai permohonan baru oleh syarikat insurans kedua itu. Anda juga mungkin dikehendaki membuat penilaian kesihatan untuk diterima oleh syarikat insurans kedua tersebut.

Namun, anda boleh memilih untuk membeli ElderShield Supplement daripada mana-mana syarikat insurans ElderShield yang diluluskan (sila rujuk bahagian berkenaan dengan ElderShield Supplements).

11) Bolehkah saya memilih untuk tidak menyertai skim ElderShield yang baru?

Ya, anda boleh memilih untuk mengekalkan polisi sedia kala ElderShield anda. Dalam kes ini, anda tidak perlu menghantar sebarang Borang Naik taraf. Polisi anda akan terus diperbaharui secara automatik mengikut faedah anda sekarang iaitu bayaran bulanan sebanyak \$300 sehingga 60 bulan. Oleh kerana anda memilih untuk mengekalkan perlindungan sedia kala ElderShield anda, premium yang anda harus bayar tidak berubah.

12) Perlukah saya meneruskan bayaran premium jika saya mempunyai kehilangan upaya yang berat?

Jika anda mempunyai kehilangan upaya yang berat, bayaran daripada ElderShield akan dimulakan dan premium seterusnya akan diketepikan.

Sekiranya anda pulih semula daripada keadaan hilang upaya yang berat, bayaran insurans akan dihentikan, dan anda mesti meneruskan bayaran premium sehingga penghujung tempoh bayaran untuk melayakkan diri menerima baki bayaran insurans.

Jika anda telah menerima bayaran maksimum selama 60 atau 72 bulan mengikut pelan yang anda pilih, polisi akan ditamatkan. Dalam situasi begini, bayaran premium tidak perlu dibuat lagi

13) Bagaimana saya hendak membuat tuntutan sekiranya saya mempunyai kehilangan upaya yang berat?

Isikan borang tuntutan dan dapatkan penilaian mengenai keadaan anda daripada jurutaksir yang dilantik. Jurutaksir akan melengkapkan borang penilaian itu dan menghantarkannya kepada syarikat insurans anda untuk diproses. Anda akan menerima bayaran insurans anda sama ada melalui cek atau ia akan dimasukkan ke dalam akaun bank anda 90 hari setelah anda disahkan mempunyai kehilangan upaya yang berat.

Anda boleh dapatkan salinan borang tuntutan itu dan senarai jurutaksir yang dilantik dari l laman syarikat insurans. Anda juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Syarikat Insurans anda untuk maklumat dan nasihat.

14) Mengapa saya perlu menunggu 90 hari sebelum mendapat bayaran saya jika mempunyai kehilangan upaya yang berat?

Bayaran ElderShield bermula 90 hari setelah pengesahan kehilangan upaya yang berat oleh jurutaksir yang dilantik. Ia dipanggil "tempoh tertunda". Tujuannya ialah untuk memastikan ElderShield membuat bayaran sekiranya berlaku kehilangan upaya yang berat di mana seseorang itu memerlukan penjagaan berjangka panjang dan sokongan kejururawatan.

Tanpa tempoh tertunda, premium ElderShield menjadi lebih tinggi, kerana syarikat insurans perlu membayar tuntutan bagi kes-kes kehilangan upaya yang sementara atau tidak berat.

15) Adakah saya menanggung kos penilaian?

Jika tuntutan anda berjaya, syarikat insurans anda akan membayar semula yuran penilaian dengan sepenuhnya. Setiap penilaian berharga \$25 jika anda mengunjung jurutaksir yang dilantik. Bagi mereka yang lebih gemar membuat penilaian itu di rumah sendiri, mereka boleh menguruskan dengan mana-mana jurutaksir yang dilantik untuk datang ke rumah mereka untuk membuat penilaian - dalam hal ini, yuran tambahan untuk lawatan ke rumah ialah sebanyak \$75.

Sekiranya tuntutan anda tidak berjaya, anda mesti membuat bayaran kos penilaian.

(Perhatian: Yuran yang disebut di atas tertakluk kepada semakan.)

16) Bolehkah saya berjumpa dengan doktor atau pakar peribadi untuk membuat penilaian?

Ya, anda boleh berjumpa dengan doktor atau pakar peribadi untuk membuat penilaian sekiranya mereka termasuk dalam panel yang dilantik oleh syarikat insurans. Tujuan diadakan sebuah panel doktor untuk membuat penilaian ini ialah untuk mengurangkan tuntutan yang tidak wajar dan untuk memastikan konsistensi dalam penilaian tuntutan. Anda diminta membawa bersama rekod-rekod kesihatan anda (jika ada) untuk membuat penilaian.

17) Apakah yang patut saya lakukan jika saya tidak bersetuju dengan penilaian tuntutan oleh syarikat insurans?

Jika anda tidak bersetuju dengan penilaian jurutaksir, anda boleh minta supaya doktor pakar membuat penilaian. Namun, anda akan menanggung kos bagi yuran penilaian (\$75 untuk penilaian di klinik doktor pakar atau \$150 bagi lawatan ke rumah). Jika penilaian

doktor pakar melayakkan anda untuk membuat tuntutan, yuran penilaian anda akan dibayar balik sepenuhnya oleh syarikat insurans anda.

Jika penilaian doktor pakar tidak melayakkan anda untuk membuat tuntutan dan anda masih tidak bersetuju dengan penilaian tersebut, anda boleh membuat rayuan kepada Panel Arbitrasi (Penimbangtara) ElderShield yang didirikan oleh Kementerian Kesihatan. Panel Arbitrasi (Penimbangtara) ElderShield mungkin melantik seorang doktor geriatrik atau doktor yang bertauliah untuk membuat penilaian semula. Keputusan Panel Arbitrasi (Penimbangtara) adalah muktamad dan mengikat bagi anda dan syarikat insurans. Kos yang terlibat untuk penilaian ini akan dibiayai oleh syarikat insurans jika Panel Arbitrasi (Penimbangtara) ElderShield memutuskan bahawa anda adalah kehilangan upaya yang berat. Jika tidak, anda akan membiayai kos penilaian sekiranya Panel Arbitrasi (Penimbangtara) ElderShield memutuskan bahawa anda bukan kehilangan upaya yang berat.

(Perhatian: Yuran yang disebut di atas tertakluk kepada semakan.)

Rebet ElderShield

18) Kenapa saya diberi rebet?

Apabila ElderShield mula diperkenalkan dalam tahun 2002, data mengenai tuntutan kehilangan upaya yang berat berdasarkan Singapura adalah kekurangan. Kementerian Kesihatan (MOH) terpaksa menggunakan data dari luar negeri untuk membantu merangka struktur dan penentuan harga skim ElderShield. Selaras dengan ini, Kementerian Kesihatan (MOH) kemudian membuat peruntukkan khusus dalam kontrak ElderShield dengan syarikat insurans untuk memulangkan 50% daripada lebihan yang terkumpul kepada pemegang polisi semasa, sekiranya keadaan tuntutan sebenar tidak seperti yang dijangka pada tahun 2002.

Dalam 5 tahun yang pertama dengan skim ini, tuntutan ElderShield adalah lebih rendah daripada jangkaan dalam tahun 2002. Oleh itu, bagi pemegang polisi semasa yang telah menyertai ElderShield pada tahun 2002-2007 dan di mana polisi masih berkuat kuasa, mereka akan layak untuk menerima rebet premium.

19) Bagaimanakah rebet itu ditentukan?

Rebet ini ialah bayaran sekali gus dan jumlah rebet yang akan diterima bergantung kepada usia anda dan berapa lama anda telah dilindungi di bawah skim ElderShield. Contohnya, pemegang polisi yang menyertai skim pada tahun 2002 akan menerima rebet yang lebih banyak daripada mereka yang baru saja menyertainya.

20) Bagaimana saya mendapat rebet?

Rebet akan diagihkan sebagai diskaun premium untuk mengimbangkan sebahagian daripada mana-mana premium atau pelarasan premium yang anda perlu membayar.

Jika anda telah selesai membayar premium ElderShield anda, rebet ini akan dikembalikan kepada anda mengikut kaedah bayaran premium terkini yang ditentukan sekiranya anda memilih untuk tidak menaiki taraf. Rebet akan dimasukkan ke dalam akaun Medisave anda jika anda membuat bayaran melalui Medisave, atau cek akan dihantar kepada anda jika anda membayar secara tunai.

Pelan ElderShield Supplement

21) Apakah ElderShield Supplement?

ElderShield Supplement mengukuhkan produk ElderShield dengan bantuan terhadap kehilangan upaya yang berat dan kos penjagaan berjangka panjang. ElderShield Supplement memberi faedah tambahan selain daripada faedah ElderShield, dengan premium yang ditambah. Premium untuk ElderShield Supplement boleh dibayar melalui Medisave setakat \$600 setiap tahun bagi setiap orang yang dilindungi.

Pelan ini tidak wajib dan pemegang polisi boleh membeli ElderShield Supplement daripada syarikat insurans yang berlainan.

Untuk memastikan warga Singapura mempunyai paling kurangnya satu pelan asas untuk kehilangan upaya yang berat, pemegang polisi yang membeli ElderShield Supplement mesti terdahulunya dilindungi oleh polisi ElderShield.

22) Adakah saya perlu menyertai skim ElderShield yang baru sebelum saya dapat membeli polisi ElderShield Supplement?

Tidak, anda tidak perlu menyertai skim ElderShield yang baru sebelum anda membeli polisi ElderShield Supplement.

23) Syarikat insurans manakah yang menawarkan ElderShield Supplement?

Ketiga-tiga syarikat insurans ElderShield juga menawarkan ElderShield Supplement: Aviva Ltd, Great Eastern Life Assurance Co Ltd, dan NTUC Income Insurance Co-operative Ltd.

24) Bagaimana saya membayar premium untuk ElderShield Supplement?

Anda boleh menggunakan Medisave anda untuk membayar premium ElderShield Supplement, setakat \$600 setiap tahun bagi setiap orang. Jika simpanan Medisave anda tidak mencukupi, anda boleh menggunakan akaun Medisave suami/isteri, ibu bapa, anak atau cucu anda. Anda juga boleh membayarnya dengan secara tunai.

25) Mengapakah jumlah yang boleh dikeluarkan daripada Medisave untuk membayar premium ElderShield Supplement dihadkan?

Had bagi pengeluaran daripada Medisave untuk premium ElderShield Supplement ialah untuk mengelakkan kehabisan dana sebelum masa dalam Medisave supaya warga Singapura akan mempunyai Medisave yang secukupnya untuk perbelanjaan kesihatan pada usia lanjut.

26) Jika saya mempunyai kedua-dua polisi ElderShield dan polisi ElderShield Supplement, adakah ini bererti saya boleh membuat tuntutan daripada kedua-dua polisi jika kehilangan upaya saya berat?

Polisi ElderShield dan ElderShield Supplement dirangka sebagai pelan tersendiri. Asalkan anda memenuhi kriteria kelayakan tuntutan, anda boleh membuat tuntutan daripada kedua polisi tersebut.

Untuk mendapat informasi selanjutnya mengenai skim ElderShield, anda boleh melayari laman berikut:

Aviva: <http://www.aviva-singapore.com.sg/ElderShield>
Great Eastern: <http://www.Lifeisgreat.com.sg/ElderShield>
NTUC Income: <http://www.income.com.sg>

Kementerian Kesihatan (MOH): <http://www.moh.gov.sg>
Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (CPF): <http://www.cpf.gov.sg>

Selain itu, anda juga boleh menghubungi salah satu daripada nombor hotline di bawah untuk pertanyaan selanjutnya:

Aviva: 6827 7788
Great Eastern: 1800- 248 2888
NTUC Income: 6332-1133

Kementerian Kesihatan (MOH): 1800-225 4122
Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (CPF): 1800-227 1188 (kod 4) (Hanya untuk pertanyaan mengenai potongan Medisave)

Untuk pertanyaan melalui e-mel, anda boleh menghantarnya kepada:

Aviva: cs_life@aviva-asia.com
Great Eastern: wecare@lifeisgreat.com.sg
NTUC Income: cs1133@income.com.sg

Kementerian Kesihatan (MOH): moh_info@moh.gov.sg

Lampiran A

(I) Aktiviti Kehidupan Harian

Kehilangan Upaya yang berat akan diertikan sebagai tidak berupaya untuk melakukan sekurang-kurangnya 3 aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian yang berikut, walaupun dengan bantuan peralatan khas, dan sentiasa memerlukan bantuan fizikal daripada orang lain sepanjang aktiviti tersebut.

A. Membersih diri

Keupayaan untuk membersih diri semasa mandi (termasuk memasuki atau keluar tempat mandi hujan atau tab mandi) atau cara pembersihan yang lain.

B. Memakai Baju

Keupayaan untuk memakai, memasang dan membuka semua pakaian dan, mengikut keadaan, sebarang pendakap, anggota palsu atau alat-alat surgikal atau perubatan lain.

C. Menyuap Makanan sendiri

Keupayaan untuk menyuap makanan sendiri setelah ia disedia dan dihidangkan.

D. Mengguna Tandas

Keupayaan untuk mengguna tandas atau menguruskan fungsi usus dan pundi (pengumuhan najis besar dan kecil) dengan menggunakan pakaian pelindung dalam atau alat surgikal jika ia bersesuaian.

E. Bergerak

Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik atas permukaan yang serata.

F. Berpindah

Keupayaan untuk bergerak dari katil ke kerusi yang tegak atau kerusi-roda, dan sebaliknya.

(II) Definisi bagi "Sudah pun mempunyai kehilangan upaya"

"Sudah pun mempunyai kehilangan upaya" bererti mengalami kehilangan upaya yang berat seperti terhurai di atas sebelum Tarikh Permulaan Polisi ElderShield anda. Bagi anda yang telah dilindungi secara automatik, kehilangan upaya yang berat yang berpunca khususnya daripada kemalangan yang berlaku dalam tempoh 90 hari tarik diri tidak akan dianggap sebagai "sudah pun mempunyai kehilangan upaya".

Premium ElderShield untuk Bayaran \$400 setiap bulan selama 72 bulan (Pelan Premium Biasa)

Usia ketika menjadi ahli	Jumlah Bayaran Premium	Premium Tahunan (Untuk dibayar sehingga usia 65 tahun) (\$)	
		Lelaki	Perempuan
40	26	174.96	217.76
41	25	182.03	227.11
42	24	189.71	237.29
43	23	198.12	248.41
44	22	207.36	260.60
45	21	217.53	274.03
46	20	228.78	288.87
47	19	241.27	305.32
48	18	255.21	323.68
49	17	270.83	344.23
50	16	288.44	367.40
51	15	308.44	393.70
52	14	331.34	423.79
53	13	357.79	458.55
54	12	388.67	499.13
55	11	425.19	547.10
56	10	469.03	604.68
57	9	522.60	675.03
58	8	589.48	762.94
59	7	675.36	875.94
60	6	789.68	1026.56
61	5	949.43	1237.34
62	4	1188.56	1553.35
63	3	1586.26	2079.69
64	2	2380.17	3131.62

Nota:

- 1) Premium yang disebut pada rajah di atas boleh digunakan untuk Pemegang Polisi Semasa mengikut Pelan Premium Biasa dan sesiapa yang menyertai skim ElderShield yang baru.
- 2) Premium yang dikenakan berasaskan usia ketika pemegang polisi pertama kali menyertai Skim ElderShield.
- 3) Premium yang tercatat di atas termasuk 7% GST.

Rajah 2

Premium Pelarasan ElderShield untuk dibayar dalam tempoh 5 tahun (atau usia 65, mengikut mana yang lebih awal) bagi Pemegang Polisi Semasa mengikut Pelan Premium Biasa

Tempoh Polisi	Lelaki					Perempuan				
	5	4	3	2	1	5	4	3	2	1
Usia menjadi Ahli										
40	35.85	28.61	21.38	14.40	7.07	47.42	38.10	28.56	19.04	9.35
41	38.45	30.73	23.03	15.34	7.67	50.70	40.68	30.43	20.20	10.19
42	40.12	32.16	23.98	16.05	7.90	53.30	42.56	31.85	21.37	10.68
43	42.73	34.05	25.63	16.99	8.61	56.83	45.38	33.96	22.55	11.38
44	46.06	36.66	27.52	18.41	9.08	60.60	48.44	36.31	24.19	12.09
45	48.70	38.81	29.19	19.36	9.79	64.85	51.75	38.90	25.83	13.03
46	52.29	41.91	31.33	20.78	10.50	68.64	55.05	41.26	27.48	13.73
47	56.15	45.02	33.71	22.44	11.21	74.07	59.30	44.32	29.60	14.67
48	59.79	47.69	35.88	23.88	11.92	79.76	63.55	47.63	31.72	15.85
49	64.17	51.31	38.29	25.56	12.64	85.69	68.53	51.17	34.09	17.03
50	69.54	55.44	41.43	27.49	13.84	92.13	73.75	55.20	36.68	18.44
51	75.43	60.07	45.06	29.89	15.03	100.23	79.94	59.94	40.00	19.86
52	82.08	65.46	48.96	32.55	16.24	108.15	86.38	64.70	43.08	21.52
53	88.08	71.37	53.37	35.48	17.69	116.11	94.28	70.66	47.12	23.41
54	95.09	78.29	58.53	38.90	19.39	122.00	100.09	75.00	49.29	25.32
55	103.63	86.71	64.69	43.06	21.35	124.15	102.88	75.84	51.02	26.99
56	105.25	88.24	65.87	43.92	21.89	125.65	104.05	79.76	53.46	29.39
57	148.55	108.15	80.79	53.66	26.73	190.96	135.13	100.50	68.43	34.86
58	214.81	148.55	91.73	60.83	30.42	291.99	198.48	121.85	81.11	40.35
59	401.42	220.89	127.71	70.01	34.86	542.16	296.88	171.28	93.64	46.59
60	902.01	373.22	192.38	98.94	40.80	1237.99	508.62	261.13	133.96	54.76
61	<i>1081.77</i>	864.56	335.07	153.60	59.30	<i>1492.65</i>	1194.12	460.23	209.96	80.72
62	<i>1077.49</i>	<i>1077.49</i>	807.85	278.12	95.81	<i>1494.79</i>	<i>1494.79</i>	1121.36	384.35	131.32
63	<i>1068.93</i>	<i>1068.93</i>	<i>1068.93</i>	712.62	184.12	<i>1499.07</i>	<i>1499.07</i>	<i>1499.07</i>	999.38	256.78
64	<i>1061.44</i>	<i>1061.44</i>	<i>1061.44</i>	<i>1061.44</i>	530.72	<i>1499.07</i>	<i>1499.07</i>	<i>1499.07</i>	<i>1499.07</i>	749.00

* Angka yang tertulis dalam italik ialah pelarasan sekali gus bagi ahli-ahli yang telah tamat membayar premium biasa mengikut tata cara skim semasa.

Nota:

- 1) Premium pelarasan yang disebut pada rajah di atas boleh digunakan untuk Pemegang Polisi Semasa yang mengikut Pelan Premium Biasa (berdasarkan usia ketika menjadi ahli) dan sesiapa yang menyertai skim ElderShield yang baru.
- 2) Premium pelarasan ialah premium rata yang akan dibayar mulai tarikh bayaran premium yang seterusnya dalam tempoh 5 tahun, atau usia 65, mengikut mana yang lebih awal, dan adalah tambahan kepada semakan premium tahunan yang diberi dalam Rajah 1. Setelah bayaran premium pelarasan dijelaskan dengan sepenuhnya, Pemegang Polisi hanya perlu membayar kadar semakan premium tahunan seperti dalam Rajah 1 bagi tempoh pembayaran premium yang tinggal.
- 3) "Tempoh Polisi" merujuk kepada tempoh masa Pemegang Polisi Semasa telah menyertai Skim ElderShield.
- 4) Angka yang tertulis dalam italik ialah pelarasan sekali gus bagi ahli-ahli yang telah tamat membayar premium biasa mengikut tata cara skim semasa
- 5) Premium yang tercatat di atas termasuk 7% GST.

Rajah 3**Premium ElderShield untuk Bayaran \$400 setiap bulan hingga kepada 72 bulan (Pelan Premium 10-Tahun)**

Usia ketika menjadi ahli (pada 30 Sept 2002)	Premium 10-Tahun (\$)	
	Lelaki	Perempuan
56	469.03	604.68
57	479.90	619.00
58	491.33	633.90
59	503.44	649.48
60	516.25	665.81
61	529.87	683.02
62	544.37	701.27
63	559.83	720.70
64	576.33	741.50
65	593.95	763.88
66	612.78	788.08
67	632.97	814.32
68	654.65	842.92
69	678.04	874.22

Nota:

- 1) Premium yang disebut pada rajah di atas boleh digunakan untuk Pemegang Polisi Semasa mengikuti Pelan Premium 10-tahun dan sesiapa yang menyertai skim ElderShield yang baru.
- 2) Premium yang dikenakan berasaskan usia ketika pemegang polisi pertama kali menyertai Skim ElderShield (iaitu pada 30 September 2002)
- 3) Premium yang tercatat di atas termasuk 7% GST.

Rajah 4**Premium Pelarasan ElderShield untuk bayaran selama 5 tahun bagi Pemegang Polisi Semasa di bawah Pelan Premium 10-Tahun**

Usia ketika menjadi ahli (pada 30 Sept 2002)	Lelaki	Perempuan
56	105.25	125.65
57	106.93	126.46
58	108.88	128.75
59	110.92	131.34
60	113.00	135.44
61	115.20	139.87
62	117.46	144.40
63	119.85	149.55
64	122.34	154.86
65	127.51	160.84
66	133.14	167.27
67	139.25	174.44
68	145.88	182.42
69	153.36	191.52

Nota:

- 1) Premium pelarasan yang tersebut pada rajah di atas boleh digunakan untuk Pemegang Polisi Semasa mengikuti Pelan Premium 10-Tahun (berdasarkan usia ketika menjadi ahli) dan sesiapa yang menyertai skim ElderShield yang baru.
- 2) Premium pelarasan boleh dibayar dari tarikh bayaran premium seterusnya dalam tempoh 5 tahun dan adalah tambahan kepada semakan premium tahunan yang dipaparkan dalam Rajah 3.
- 3) Untuk melayakkan diri anda kepada perlindungan sepanjang hayat, pemegang Polisi perlu membuat bayaran penuh bagi 5 premium pelarasan dan semakan premium 10-tahun.
- 4) Premium yang tercatat di atas termasuk 7% GST.

Premium Pelarasan Sekali gus bagi Pemegang Polisi Semasa di bawah Pelan Premium Tunggal

Usia Sekarang (setakat harijadi terakhir)	Lelaki	Perempuan
40	525.37	715.83
41	532.86	727.60
42	549.98	751.14
43	571.38	781.10
44	592.78	808.92
45	608.83	831.39
46	629.16	863.49
47	652.70	890.24
48	674.10	921.27
49	698.71	954.44
50	722.25	988.68
51	746.86	1021.85
52	771.47	1056.09
53	795.01	1091.40
54	819.62	1125.64
55	838.88	1164.16
56	869.91	1206.96
57	891.31	1240.13
58	928.76	1284.00
59	949.09	1324.66
60	977.98	1364.25
61	1015.43	1400.63
62	1032.55	1446.64
63	1070.00	1488.37
64	1090.33	1535.45
65	1120.29	1590.02
66	1149.18	1628.54
67	1177.00	1678.83
68	1215.52	1726.98
69	1231.57	1783.69
70	1271.16	1840.40
71	1305.40	1877.85
72	1330.01	1938.84
73	1355.69	1995.55
74	1399.56	2030.86

Nota:

- 1) Premium pelarasan sekali gus yang disebut dalam Jadual ini boleh digunakan untuk Pemegang Polisi Semasa mengikuti Pelan Premium Tunggal dan sesiapa yang menyertai Skim ElderShield yang baru.
- 2) Premium yang dikenakan berasaskan usia sekarang.
- 3) Premium yang disebutkan adalah termasuk 7% GST.